

17 FEB 1996

Raya - Terbuka

RUMAH TERBUKA SEPANJANG TAHUN BARU CINA DAN HARI RAYA PUASA

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah akan mengadakan majlis "rumah terbuka" pada hari pertama Hari Raya Aidil Fitri di Bangunan Parlimen di sini.

Seri Paduka berdua akan menghadiri majlis itu pukul 10.30 pagi di Dewan Bankuasi.

Sultan Selangor pula akan mengadakan "istana terbuka" di perkarangan Istana Alam Shah, Klang mulai pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari pada hari raya pertama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengadakan "rumah terbuka" di kediaman rasmi mereka, Sri Perdana, di sini, pada hari pertama Hari Raya.

Majlis rumah terbuka itu diadakan antara pukul 10 pagi dan 1 tengah hari manakala sesi petang mulai pukul 3 petang hingga 6 petang.

Hari Raya pertama ialah antara Selasa atau Rabu depan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan "rumah terbuka" di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, mulai pukul 2 petang hingga 6 petang pada hari raya pertama.

Pada hari raya kedua, Anwar akan mengadakan "rumah terbuka" di 11549, Kampung Cherok To'kun, Bukit Mertajam mulai pukul 10 pagi hingga 4 petang.

Sambutan Hari Raya Aidil Fitri dan Tahun Baru Cina ini menjanjikan rakyat Malaysia majlis rumah terbuka yang berterusan.

Terdahulu itu, MCA akan mengadakan "rumah terbuka" bagi meraikan Tahun Baru Cina di ibu pejabat parti itu di Wisma MCA di sini, Isnin depan mulai 9 pagi hingga 12 tengah hari.

Gerakan pula mengadakan rumah terbuka di Hotel Federal, di sini pada hari pertama Tahun Baru Cina mulai pukul 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Rumah terbuka presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik diadakan pada 25 Februari di Dewan Ku Tien, Jalan Besar, Ayer Tawar, Beruas. -- BERNAMA

JM CR